

24/05/2000

Permohonan batal afidavit Mirzan 9 Jun

KUALA LUMPUR, Selasa - Mahkamah Tinggi di sini hari ini, menetapkan 9 Jun depan untuk mendengar permohonan Star Papyrus Printing Sdn Bhd untuk membatalkan afidavit Mirzan Mahathir.

Penolong Kanan Pendaftar, Norliza Othman membuat keputusan itu selepas mendengar sebutan kes berkenaan. Peguam bela Mirzan, Datuk V K Lingam dan peguam bela Star Papyrus, Bhag Singh hadir ketika penetapan tarikh itu.

Star Papyrus mengemukakan permohonan membatalkan afidavit Mirzan yang akan digunakan untuk menyokong permohonannya membatalkan pernyataan pembelaan syarikat percetakan itu.

Sehubungan itu, Norliza menetapkan 13 Jun ini untuk mendengar permohonan Mirzan membatalkan pernyataan pembelaan Star Papyrus.

Mirzan mengemukakan saman malu terhadap defendan dan menuntut ganti rugi sebanyak RM150 juta.

Dalam pernyataan tuntutanannya, Mirzan mendakwa artikel itu memfitnahnya dengan membawa maksud beliau membina empayar perniagaannya bukan atas kemampuannya tetapi mendapat faedah daripada keistimewaan, nepotism dan pilih kasih.

Sehubungan itu, katanya, perasaan dan nama baiknya dalam bidang perniagaan terjejas serta tercemar.

Katanya, artikel itu memberi gambaran beliau menjalankan perniagaan secara cuai, tetapi selamat kerana menyalahgunakan kedudukannya sebagai anak Perdana Menteri serta diselamatkan oleh kerajaan atas pengaruh bapanya.

Dalam pernyataan pembelaannya, defendan menafikan artikel yang disiarkan akhbar Asian Wall Street Journal (ASWJ) memfitnah Mirzan.

AWSJ dalam keluaran 4 Januari 1999 menyiarkan artikel bertajuk Mahathir's eldest son limits ambitions (Cita-cita terhad anak sulung Mahathir) yang ditulis oleh G Bruce Knecht.

Star Papyrus mendakwa syarikat itu menyediakan sebuah bilik bagi menempatkan peralatan milik Dow Jones Publishing Company (Asia) Inc. untuk menerima negatif cetakan isi kandungan AWSJ daripada Dow Jones Hong Kong menerusi isyarat elektronik.

Defendan mendakwa, pihaknya juga menyediakan kakitangan untuk mengendalikan peralatan; kertas bagi mencetak berita; pembuatan plet dan pembungkusan akhbar AWSJ.

Sehubungan itu, defendan menafikan ia menerbit dan memberi kuasa bagi penerbitan akhbar berkenaan.

Selain menafikan artikel itu memfitnah Mirzan, defendan mendakwa anak Perdana Menteri itu memberi kebenaran kepada Knecht untuk menemubualnya pada 2 Disember 1998 di pejabatnya di Malaysia.

Defendan mendakwa, walaupun ia tidak wajib untuk memberi butiran pembelaan, sebagai langkah berwaspada ia akan menyertakan butiran itu.

Dalam jawapan kepada pembelaan itu, Mirzan mendakwa beliau mempunyai hak untuk memfailkan permohonan bagi membatalkan beberapa perenggan pembelaan 10 dengan alasan ia tidak mendedahkan sebarang pembelaan munasabah. Mirzan menafikan beliau memberi persetujuan untuk memberi temu bual kepada Knecht dan mengambil risiko penerbitan artikel itu yang diedar secara meluas.

Menurutnya, Knecht tidak pernah memberitahunya sebelum atau selepas temu bual itu untuk menulis artikel mengenainya secara peribadi dan hubungannya dengan Perdana Menteri.

(END)